

# DAKWAH TERHADAP GOLONGAN OKU MELALUI APLIKASI TIKTOK: KAJIAN DI MALAYSIA

Nur Fatimah Wahidah binti Salleh<sup>1</sup>  
Hajjah Rasinah binti Haji Ahim<sup>2</sup>

## Abstrak

Pada era globalisasi ini, aplikasi TikTok merupakan salah satu platform dalam dunia hiburan yang muncul sebagai aplikasi paling pesat berkembang sejak kebelakangan ini dengan peningkatan pengguna dari saban tahun, tidak kira golongan muda mahupun tua. Aplikasi TikTok menawarkan penciptaan dan perkongsian video yang ringkas dan pantas untuk berhubung dengan pelbagai latar belakang masyarakat. Walaupun aplikasi ini menjadi kontroversi di sesetengah negara dengan pengharaman dan ancaman dari pelbagai pihak, namun ianya tidak menghentikan pertumbuhan penggunaannya dalam kalangan pengguna normal mahupun pengguna OKU. Tajuk kajian ini adalah berkaitan dengan “Dakwah Terhadap Golongan OKU Melalui Aplikasi TikTok”. Oleh yang demikian, objektif kajian adalah untuk mengkaji sejauh mana aplikasi TikTok mampu dijadikan medium untuk menyampaikan dakwah dalam kalangan OKU, serta mengkaji isu atau tema yang dibahaskan dalam konteks dakwah sekali gus mengetahui kaedah penyampaian yang digunakan kepada golongan OKU. Metode kajian yang digunakan untuk menyiapkan kajian ini adalah dengan kaedah penelitian bagi pengguna aplikasi TikTok antara da’i (pendakwah) terhadap mad’u (sasaran dakwah) dan kaedah perpustakaan berkaitan sejarah dan latar belakang penubuhan TikTok. Hasil penelitian pengkaji mendapati bahawa tema atau isu yang sering dibincangkan adalah berkaitan dengan solat, puasa, haji, haid, mandi wajib, dan juga kaedah membaca Al-Quran bagi golongan OKU dengan menggunakan kaedah bahasa isyarat, ini menjadikan aplikasi TikTok berpotensi sebagai medium bagi menjalankan usaha-usaha dakwah dalam kalangan OKU. Kajian ini diharapkan dapat menggalakkan lebih ramai pengguna TikTok untuk sama-sama menyebarkan dakwah melalui aplikasi TikTok.

***Kata Kunci: Dakwah, OKU (Orang Kelainan Upaya), TikTok***

---

<sup>1</sup> Program Sarjana Usuluddin Secara Penyelidikan Universiti Sultan Sharif Ali (UNISSA). E-mal: nurfatimahwahidahbintisalleh@gmail.com

<sup>2</sup> Pensyarah Fakulti Usuluddin, Universiti Islam Sultan Sharif Ali. E-mal: rasinah.ahim@unissa.edu.bn

## **PENGENALAN**

Pada era arus globalisasi ini, dunia dilengkapi dengan kemudahan teknologi yang berkonsepkan sains dan teknologi yang di gunakan dalam kehidupan manusia kini untuk manusia bekerja, berkomunikasi, berhibur dan sebagainya, yang disebut sebagai media sosial. Alatan yang canggih membantu untuk mengembangkan kreativiti individu untuk berkarya dengan mencipta pelbagai-bagai *content* dalam bentuk video yang menarik untuk kepuasan diri, tontonan umum dan sebagainya. Terdapat banyak platform media sosial yang digunakan pada masa kini termasuklah aplikasi TikTok.

TikTok merupakan perkhidmatan yang menawarkan perkhidmatan rangkaian media sosial yang dimiliki oleh ByteDance selepas itu diberi nama TikTok dengan memberikan pengkhususan kepada perkongsian video pendek mencakupi tarian, nyanyian gerak bibir, komedi dan bakat dalam diurasi sesingkat 3 saat hingga ke 10 minit. Aplikasi ini lancarkan pada 2017 untuk kegunaan Android dan iOS seluruh dunia. Pengasas TikTok adalah Zhang Yiming yang berasal dari Negara China. Penggunaan aplikasi TikTok memberi manfaat kepada semua terutama dalam aktiviti dakwah iaitu menyampaikan perkara-perkara yang bermanfaat kepada umum, tanpa disedari yang digunakan oleh sesetengah masyarakat. Penggunaan aplikasi ini tidak terhad kepada golongan normal bahkan mereka yang mempunyai kecacatan yang dikenali sebagai Orang Kurang Upaya(OKU).

Golongan OKU merupakan sebahagian daripada entiti kelompok masyarakat yang terdiri daripada berbilang kaum dan bangsa dalam sesebuah negara. Oleh yang demikian mereka mempunyai nilai kesaksamaan hak dan peluang untuk menjalani hidup seperti anggota masyarakat normal yang lain. Pendekatan berasaskan hak atau *rights-based* dan juga perlindungan wajar diberikan sepenuhnya bagi menjamin kepentingan dan kesejahteraan OKU.

Penyebaran dakwah kepada golongan OKU amat terhad, sehingga mereka tergapai-gapai dalam mencari kebenaran agama yang berkaitan dalam pelaksanaan ibadat seperti solat, puasa, zakat, haji dan sebagainya, yang dituntut oleh agama Islam.

## **KAJIAN LEPAS**

Menurut kajian daripada Yulia Nafa Fitri Randani, Safrinal, Jalimah Zulfah Latuconsina dan Muhammad Roy Purwanto (2021), aplikasi Tik Tok merupakan satu aplikasi yang mampu memberikan impak yang besar dan mempunyai daya tarikan yang tersendiri kepada pengguna aplikasi ini dengan kaedah membuat video pendek yang boleh menarik ribuan penonton melihatnya dengan masa yang pantas di seluruh dunia. Biasanya aplikasi ini mengandungi video- video pendek dengan content

yang menarik dan memiliki ragam genre mulai dari *content* makanan, fashion, pendidikan, hingga kandungan menarik lainnya yang semua ini dibuat dengan tujuan sebagai hiburan dakwah. Perancangan strategik yang betul penting bagi memanfaatkan aplikasi TikTok sebagai medan media dakwah di zaman globalisasi.

Menurut kajian daripada Nur Fatin Farhanan Mat Saad, Nur Syamimi Afifi Arifin dan Nurul Nadhirah Abd Karim(2022), aktiviti dakwah semasa mestilah mengambil kira penggunaan media yang dimiliki dan digunakan oleh khalayak untuk memastikan kesampaian dan penerimaan mesej dakwah. Dalam masa yang sama, membantu perkembangan ajaran Islam yang betul. TikTok mampu mempengaruhi persepsi atau pemahaman pengguna terhadap pengajian Islam. Kewujudan platform TikTok mampu dijadikan medium rujukan dakwah yang bermanfaat untuk masyarakat khususnya golongan muda.

Dapatan daripada tinjauan kajian mendapati bahawa golongan bermasalah pendengaran amat lemah dalam penguasaan fardu ain dan sukar untuk mengikuti perkembangan agama. Di samping itu, tiada tumpuan daripada institusi agama khususnya pengurusan masjid dalam usaha dakwah golongan berkeperluan khas terutamanya masalah pendengaran (Huzairi,2015)

Justeru, kajian ini dilaksanakan untuk mengetahui impak dakwah dalam aplikasi TikTok kepada golongan OKU. Menurut dapatan kajian daripada Muhammad Qayyim bin Khaidir(2022), penyampaian dakwah perlulah selari dengan jiwa dan perkembangan anak muda pada hari ini, yang menginginkan perkara tular seperti lagu dan muzik. Penyampaian dakwah mestilah dalam video yang ringkas dan jelas. Serta para pendakwah perlu menguasai dan mempelajari ilmu sebelum disampaikan dengan mengaplikasikan strategik penyampaian di media sosial.

## **KEPENTINGAN KAJIAN**

Pentingnya kajian ini adalah untuk memberi sumbangan idea kepada masyarakat terhadap kepentingan menyantuni golongan OKU dalam mendalami serta memberi mereka peluang dan ruang untuk merasai indahnyanya hidup beragama seperti mana saranan yang digalakkan dalam agama Islam.

Tik tok merupakan salah satu aplikasi yang merekodkan jumlah pengguna yang terbanyak iaitu termasuk dalam 5 kedudukan media sosial yang tertinggi. Mengikut kajian, pada tahun 2022 bilangan jumlah pengguna yang menggunakan aplikasi TikTok ini adalah mencecah angka 1 billion. Ini menunjukkan suatu jumlah angka yang tinggi dan majoriti pengguna sering berada di TikTok kerana

kepelbagaian fungsi yang dimiliki. Oleh itu, para pendakwah perlulah bijak menggunakan medium dakwah di aplikasi TikTok untuk menyampaikan dakwah dengan cara dan bentuk kreativiti masing-masing supaya agama yang benar dapat disampaikan kepada seluruh masyarakat dan umat Islam.

Antara kepentingan untuk berdakwah melalui TikTok ialah kerana mudah dan senang untuk menghasilkan video-video pendek. Malahan, kemudahan dari segi audio dan visual juga disediakan untuk memudahkan para pengguna untuk menggunakannya. Ini akan menyebabkan masyarakat mudah untuk memahami dakwah yang disampaikan sekali gus berasa tertarik untuk melihat isi kandungan berbentuk dakwah dan keagamaan(Qayyim,2022).

Seterusnya, pendekatan dakwah melalui TikTok sangat penting kerana melalui aplikasi ini dapat menyasarkan lebih ramai penonton bagi menyeru kepada kebaikan. Hal ini kerana majoriti lapisan golongan masyarakat bermula dari kanak-kanak sehinggalah golongan tua, kebanyakan mereka sangat aktif di aplikasi ini terutamanya golongan remaja. Ini menjadikan satu kelebihan yang besar kepada para pendakwah untuk menyampaikan dakwah melalui aplikasi ini. Sebagai contoh, mereka gemar melihat video-video yang pendek berserta lagu dan berilusi serta bergrafik yang menarik kerana ianya akan mengelakkan diri terasa bosan dengan penyampaian tersebut.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Metode kajian yang digunakan untuk menyiapkan kajian ini adalah dengan kaedah penelitian bagi pengguna aplikasi TikTok antara *da'i*(pendakwah) terhadap *mad'u*(sasaran dakwah) dan kaedah perpustakaan berkaitan sejarah dan latar belakang penubuhan TikTok.

Berdasarkan penelitian melalui kaedah pemerhatian pengkaji mendapati bahawa tema atau isu yang sering dibincangkan adalah berkaitan dengan solat, puasa, haji, haid, mandi wajib, dan juga kaedah membaca Al-Quran bagi golongan OKU dengan menggunakan kaedah Bahasa Isyarat Arab, ini menjadikan aplikasi TikTok berpotensi sebagai medium bagi menjalankan usaha-usaha dakwah dalam kalangan OKU.

## **PERBINCANGAN DAN DAPATAN KAJIAN KONSEP DAKWAH**

Dengan ini, jelas menunjukkan bahawa maksud dakwah dari pengertian bahasa adalah merujuk kepada usaha mengajak atau menyeru ke suatu arah dan ianya semata-mata menyeru. Oleh itu, maksud dakwah sangat umum tanpa arah dan hala tuju yang terperinci. Muhammad al- Ghazali(2002) menjelaskan maksud dakwah adalah satu program yang lengkap, yang meliputi kesemua aspek ilmu pengetahuan

yang diperlukan oleh manusia bagi menjelaskan tujuan dan matlamat kehidupan bagi melusuri petunjuk jalan yang memandu mereka.

Dr Yusof al-Qardawi(1997) juga memberi pengertian tentang dakwah bahawa dakwah adalah usaha membawa manusia kepada agama Islam, bagi melaksanakan segala ketetapan di muka bumi ini dengan segala bentuk perhambaan diri, permohonan dan ketaatan hanya kepada Allah, menjauhkan diri daripada segala perkara yang ditegah oleh Allah, memberikan hak kepada yang ditentukan oleh Allah, menafikan hak ke atas orang yang dinafikan hak oleh Allah menyeru kepada kebaikan dan menegah kemungkaran dan berjihad pada jalan Allah.

## **KONSEP OKU**

Menurut akta Orang Kurang Upaya 2008, OKU merujuk kepada, “Mereka yang mempunyai kekurangan jangka panjang fizikal, mental, intelektual, atau deria yang apabila berinteraksi dengan pelbagai halangan, boleh menyekat penyertaan penuh dan berkesan mereka dalam masyarakat”. Menurut Jabatan Pembangunan Orang Kurang Upaya, Jabatan Kebajikan Masyarakat, di Malaysia terdapat 7 kategori yang diiktiraf antaranya adalah:

1. Kurang Upaya Pendengaran
2. Kurang Upaya Penglihatan
3. Kurang Upaya Pertuturan
4. Kurang Upaya Pembelajaran
5. Kurang Upaya Fizikal
6. Kurang Upaya Mental
7. Kurang Upaya Pelbagai

Kajian ini memfokuskan kepada Orang Kurang Upaya Pendengaran, iaitu tidak dapat mendengar dengan jelas di kedua-dua telinga tanpa menggunakan alat bantuan pendengaran atau tidak dapat mendengar langsung walaupun dengan menggunakan alat bantuan pendengaran. Contoh *Bilateral Hearing Loss, Single Sided Deafness (SSD)/Profound Unilateral Hearing Loss*.

Secara umumnya darjah atau tahap OKU Pendengaran bermula dari peringkat rendah hingga peringkat tenat. Audiometer merupakan alat yang digunakan bagi mengukur darjah atau tahap OKU tersebut. Unit yang menerangkan kekuatan bunyi dipanggil disebel (dB). Antara tahap tersebut adalah:

i. Minimum

Individu yang mempunyai tahap kehilangan antara 27dB hingga 40Db. Kebiasaannya mereka menghadapi masalah untuk mendengar bunyi yang perlahan atau jauh. Namun mereka boleh memahami perbualan sewaktu berkomunikasi tetapi memerlukan terapi pertuturan untuk memberi maklum balas yang berkesan.

ii. Sederhana

Individu yang mempunyai tahap kehilangan antara 41dB hingga 55dB. Mereka hanya mampu mendengar bunyi antara satu meter hingga satu perpuluhan lima meter. Mereka sukar untuk menonjolkan diri dalam perbincangan dalam kelas, namun terapi pertuturan dan alat bantu mendengar masih diperlukan.

iii. Sederhana teruk

Individu yang mempunyai tahap kehilangan antara 56dB hingga 70dB. Mereka memerlukan alat bantuan pendengaran, latihan pendengaran dan latihan pertuturan serta komunikasi. Percakapan dengan nada yang kuat perlu bagi seseorang yang ingin berkomunikasi dengan individu kategori ini, kerana golongan ini menghadapi masalah yang kronik untuk mendengar dengan jelas apa yang diperkatakan. Selain itu, percakapan mereka tidak sempurna kerana pengalaman pendengaran yang terhad.

iv. Teruk

Individu yang mempunyai tahap kehilangan antara 71dB hingga 90dB. Mereka boleh mendengar bunyi yang kuat pada jarak sifar hingga 30.5 sm bagi bunyi yang tertentu sahaja. Individu kategori ini memerlukan pendidikan khas, alat bantuan pendengaran dan latihan pertuturan serta komunikasi bagi melangsungkan kehidupan seharian mereka disebabkan masalah yang teruk dalam pertuturan. Individu ini dikategorikan juga sebagai pekak.

v. Tenat

Individu yang mempunyai tahap kehilangan lebih dari 90dB. Mereka sukar untuk bercakap dan mendengar walaupun bunyi yang diterima adalah kuat. Individu kategori ini memerlukan alat bantuan pendengaran dan terapi pertuturan bagi membolehkan mereka untuk mengurangkan masalah yang dihadapi.

## DALIL TENTANG DAKWAH DAN HUBUNGAN OKU

Berdakwah kepada Allah SWT adalah satu tuntutan kerana ia merupakan satu proses *ta'lim* (pengajaran) dan tarbiah (pendidikan dan pembentukan). Di atas pelaksanaan tuntutan inilah maka akan tertegaknya asas-asas kebahagiaan dunia dan akhirat. Allah SWT telah memerintahkan nabi-Nya untuk melaksanakan tugas ini. Kesimpulannya tugas berdakwah merupakan satu kefardhuan syar'ie dan keperluan *dharuri* (perlu) bagi manusia. Banyak dalil daripada al-Quran dan hadis tentang kefardhuan melaksanakan dakwah. Antaranya adalah

Terdapat satu kisah yang boleh dijadikan iktibar untuk kita semua berkaitan dengan golongan OKU yang telah dirakamkan oleh Allah S.W.T di dalam surah 'Abasa ayat 1 hingga 10 yang berbunyi:

عَبَسَ وَتَوَلَّى ۝١ أَن جَاءَهُ الْأَعْمَى ۝٢ وَمَا يُدْرِيكَ لَعَلَّهُ يَزَّكَّى ۝٣ أَوْ يَذَّكَّرُ فَتَنْفَعَهُ الذِّكْرَى ۝٤ أَمَا مَن أَسْتَعْتَى ۝٥ فَأَنتَ لَهُ تَصَدَّى ۝٦ وَمَا عَلَيْكَ أَلَّا يَزَّكَّى ۝٧ وَأَمَا مَن جَاءَكَ يَسْعَى ۝٨ وَهُوَ يَخْشَى ۝٩ فَأَنتَ عَنْهُ تَلَهَّى ۝١٠

*Maksudnya: Dia memasamkan muka dan berpaling, Kerana dia didatangi orang buta. Dan apa jalannya engkau dapat mengetahui (tujuannya, wahai Muhammad)? Barangkali dia mahu membersihkan hatinya (dengan pelajaran agama yang didapatinya daripadamu)!. Ataupun dia mahu mendapat peringatan, supaya peringatan itu memberi manfaat kepadanya. Adapun orang yang merasa keadaannya telah cukup, tidak berhajat lagi (kepada ajaran Al-Quran). Maka engkau bersungguh-sungguh melayaninya. Padahal engkau tidak bersalah kalau dia tidak mahu membersihkan dirinya (dari keingkarannya). Adapun orang yang segera datang kepadamu, dengan perasaan takutnya (melanggar perintah-perintah Allah); Maka engkau berlengah-lengah melayaninya.*

Surah 'Abasa merupakan surah *Makkiyyah* yang terdiri daripada 42 ayat yang membawa maksud "Dia Bermasam Muka". Ayat 1 hingga 10 menceritakan bahawa seorang buta yang bernama Abdullah Ibnu Ummi Maktum mendatangi Rasulullah Sallallahu 'alaihi wassalam untuk mengetahui tentang ajaran Islam, lalu Rasulullah Sallallahu 'alaihi wassalam bermasam muka dan berpaling kerana Baginda sedang bersama pembesar Quraisy dengan pengharapan agar pembesar-pembesar tersebut mahu memeluk Islam. Maka turunlah ayat ini bagi menegur tindakan Baginda.

Juga gesaan di dalam Al-Quran yang memberikan perhatian kepada golongan yang OKU dalam surah *Al-Fath* ayat ke 17 Firman Allah SWT:

لَيْسَ عَلَى الْأَعْمَى حَرْجٌ وَلَا عَلَى الْأَعْرَجِ حَرْجٌ وَلَا عَلَى الْمَرِيضِ حَرْجٌ وَمَنْ يُطِعِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ يُدْخِلْهُ جَنَّاتٍ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ وَمَنْ يَتَوَلَّ يُعَذِّبْهُ عَذَابًا أَلِيمًا ﴿٧﴾

*Maksudnya: Tidaklah menjadi salah kepada orang buta dan tidaklah menjadi salah kepada orang tempang dan tidaklah menjadi salah kepada orang sakit (tidak turut berperang, kerana masing-masing ada uzurnya) dan (ingatlah), sesiapa yang taat kepada Allah dan RasulNya, akan dimasukkannya ke dalam Syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai dan sesiapa yang berpaling ingkar, akan diseksanya dengan azab yang tidak terperi sakitnya.*

Keterangan ayat Al-Quran di atas menunjukkan bahawa seseorang pendakwah perlu memahami psikologi golongan OKU supaya dakwah yang disampaikan menepati sasarannya. Panduan ayat tersebut hendaklah dijadikan pedoman dan panduan bagi orang Islam dalam berinteraksi dengan golongan OKU. Islam merupakan rahmat buat sekalian insan. Islam tidak pernah menyisihkan golongan OKU bahkan terdapat banyak gesaan yang terdapat dalam Al-Quran. Ini kerana, golongan OKU mempunyai ciri-ciri khusus yang berbeza dengan golongan normal, antaranya adalah mereka merasa terbeban kepada orang lain dengan kecacatan yang dialami, hidup memerlukan bantuan pertolongan dengan orang lain, penghargaan daripada orang lain, dan merasa tertekan dalam kehidupan. Hal ini kerana, mereka mempunyai perbezaan dari sudut latar belakang pegangan agama, latar belakang masyarakat dan sistem nilai mereka.

## **PENDEKATAN DAKWAH TERHADAP GOLONGAN OKU**

Abdul Aziz(2009) kaedah dalam berdakwah kepada golongan OKU antaranya adalah menggunakan konsep mudah, menggunakan konsep rahmat dan *syafaqah*(simpati), mempercayai konsep hidup adalah ujian, mengamalkan konsep hubungan dakwah berdasarkan layanan untuk mempengaruhi dan menceritakan konsep kelebihan OKU. Dalam Al-Quran, Surah An-Nahl ayat 125.

ادْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجِدْهُمْ بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ ﴿١٢٥﴾

*Maksudnya: Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik; sesungguhnya Tuhanmu Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalanNya dan Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayat petunjuk.*



## **ASPEK YANG PERLU DITEKANKAN KEPADA GOLONGAN OKU**

Terdapat beberapa aspek yang perlu ditekankan kepada golongan OKU adalah seperti aspek akidah, aspek ibadah dan akhlak.

### **1. Aspek Akidah**

Isa(1997), Perkataan akidah berasal dari perkataan Arab iaitu al-aqidah yang membawa maksud simpulan atau ikatan yang kukuh, manakala dari segi istilah pula membawa maksud mempercayai dan meyakini dengan keimanan yang teguh tanpa ada ragu terhadap Allah dan rasul-rasulNya yang mempengaruhi pada perbuatan, tingkah laku kehidupan sebagai seorang manusia berdasarkan dalil-dalil al-Quran dan hadis.

Asas terhadap pemahaman akidah Islam ialah kepercayaan yang berkait rukun imam dengan percaya kepada Allah, malaikat, kitab, rasul, hari kiamat, dan qada' qadar yang ditentukan Allah. Keimanan menjadi teras dalam kehidupan rohaniah bagi manusia yang beragama Islam kerana boleh melahirkan sifat yang terpuji, sifat jihad, dan kemurnian akhlak yang tinggi(Raudah,2013). Abdul Karim Zayddan(1975) menyatakan bahawa keyakinan tersebut lahir secara semula jadi sebagaimana konsep Islam iaitu ketundukan, penyerahan diri dan kepatuhan kepada Allah, yakni Tuhan sekalian alam dan ketundukan kepada *sunnatullah* yang telah ditetapkan.

Oleh itu, ilmu berkaitan akidah akan memperkatakan segala persoalan yang berkaitan dengan kepercayaan, keyakinan, dan pegangan yang berlandaskan pembentukan iman bagi individu muslim.

### **2. Aspek Ibadah**

Ab.Aziz(2006), Syariah merupakan pelaksanaan kepercayaan dan pegangan akidah yang mantap dalam diri seseorang hamba. Kesan daripada keimanan kepada seseorang akan lahirlah ketaatan dan pengabdian kepada Allah, dan apabila ketaatan berlaku manusia akan melaksanakan segala suruhan yang disuruh serta meninggalkan apa yang dilarang berdasarkan dua sumber rujukan utama bagi orang Islam iaitu Al-Quran dan hadis. Ini kerana ketaatan dan pengalaman ajaran Islam terkandung dalam persoalan syariah.

Perbahasan berkaitan dengan ilmu syariah adalah memberi penjelasan tentang keperluan melaksanakan ibadat dalam kehidupan harian bagi seorang individu muslim sebagai tanda tunduk dan patuh akan setiap perintah yang dianjurkan. Seajar dengan firman Allah SWT dalam surah al-Dharyat ayat 56:

*Maksudnya Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepadaKu.*

Menurut Abu Bakar al-Jaza'ri(1964) menghuraikan syariah kepada dua bahagian iaitu ibadat khusus dan ibadat umum. Ibadat khusus merujuk kepada hubungan dengan Allah iaitu solat, puasa, zakat dan menunaikan haji, manakala ibadat umum pula berkaitan dengan hubungan dengan manusia bagi mencapai kesejahteraan hidup di dunia dan akhirat.

Oleh itu, perbincangan berkaitan dengan hal-hal syariah adalah berkaitan dengan persoalan ibadat khusus yang terkandung dalam rukun Islam dan berkaitan dengan *mu'amalah, munakahat*, dan undang-undang syariat Islamiah.

### **3. Aspek Akhlak**

Nasir(2005), Akhlak berasal dari perkataan bahasa Arab dan merupakan jamak kepada *khuluq*, yang menunjukkan kepada sifat semula jadi, tabiat, adat, kebiasaan, maruah dan gaya hidup seseorang individu. Pertembungan sistem, budaya dan cara hidup masyarakat pada hari mewujudkan pelbagai isu yang berkait dengan moral dan akhlak seseorang individu. Masalah yang berlaku dalam dunia yang serba moden ini adalah disebabkan kepincangan nilai akhlak dalam diri manusia yang jauh dari keimanan dan ketakwaan. Nilai iman dan ketakwaan merupakan agen yang terpenting dalam ketinggian akhlak dalam Islam. Ini kerana akhlak terpuji dan sifat-sifat yang baik, tingkah laku yang betul datang dari Islam itu sendiri. Sesungguhnya Rasulullah diutuskan untuk menyempurnakan akhlak umat Islam.

Abdul Karim Zaydan(1975), menyatakan bahawa akhlak Islam adalah mengajak manusia melakukan segala bentuk akhlak yang terpuji dan memelihara manusia daripada melakukan perkara yang merosakkan masyarakat seperti menipu, pecah amanah, khianat, zalim, penyalahgunaan kuasa dan lain-lain.

Oleh itu, usaha yang boleh dilakukan dalam membentuk keperibadian mulia adalah dengan pembentukan diri sendiri, keluarga, dan diikuti dengan masyarakat, supaya mengembalikan manusia ke arah landasan dan peraturan yang betul.

## KEPENTINGAN DAKWAH

Realitinya pada hari ini, inisiatif dakwah banyak difokuskan kepada golongan normal sahaja, sedangkan golongan OKU juga perlu diberikan perhatian yang khusus yang melibatkan keagamaan. Golongan ini perlu disampaikan dakwah kerana mereka adalah sebahagian kelompok *mukallaf* yang lazimnya tersisih dalam arus perdana dakwah dalam masyarakat pada hari ini Munir(2014).

Menurut Earnie(2020) penyampaian bahan dakwah perlulah selari dengan jiwa dan perkembangan anak muda. Ini kerana ikutan anak muda sekarang ini mudah suka kepada perkara-perkara yang tular seperti lagu atau muzik. Hal ini bertujuan supaya dakwah itu menjadi lebih mudah untuk sampai dan difahami oleh mereka sekali gus menyebabkan mereka dapat menerima dengan baik. Oleh itu, para pendakwah boleh menggunakan lagu-lagu tersebut selagi mana tidak bercanggah dengan syariat dalam penyampaian video dakwah tersebut supaya mereka mudah lagi tertarik dengan perkara yang disampaikan.

Selain itu, menurut Qayyim(2022) menyatakan bahawa metode penyampaian dakwah mestilah disampaikan dalam bentuk video secara ringkas dan jelas. Hal ini kerana majoriti masyarakat lebih gemar menonton video-video yang pendek berbanding dengan video yang mempunyai tempoh masa yang panjang. Maka, aplikasi TikTok merupakan salah satu medium yang menyediakan pelbagai jenis gaya dan bentuk yang boleh digunakan oleh para pendakwah dalam menciptakan video yang pendek.

Tambahan pula, sebagai pendakwah kita boleh mempelbagaikan bahasa di dalam video yang dihasilkan. Sebagai contoh, suara yang bercakap di dalam video menggunakan bahasa standard iaitu bahasa Melayu manakala di bahagian sarikata itu boleh diletakkan bahasa-bahasa lain seperti bahasa Inggeris, bahasa arab dan lain-lain. Perkara ini akan menyebabkan ramai orang lagi tertarik untuk melihat video kerana mempunyai pelbagai bahasa yang boleh difahami.

Seterusnya, sebagai seorang pendakwah, kita mestilah sentiasa menguasai dan mempelajari ilmu yang disampaikan kepada masyarakat supaya tidak timbul perselisihan faham antara satu sama lain. Malah, dengan menguasai ilmu tersebut, para pendakwah sudah tentu mampu menjawab segala persoalan masyarakat dengan baik mengikut tahap keilmuan seseorang pendakwah itu. Perkara yang disampaikan itu mestilah dirujuk dan diteliti kebenaran dan kesahihan bersandarkan dari Al-Quran dan Hadis supaya tidak menimbulkan keraguan oleh orang ramai. Ini kerana terdapat segelintir golongan yang ingin menjatuhkan para pendakwah dengan mempertikaikan kesahihan sumber dakwah ini. Oleh itu, para pendakwah terutamanya golongan *dai* ' muda perlulah menjadi seseorang yang lebih arif dalam

penguasaan ilmu yang akan disampaikan supaya tidak timbul perkara-perkara yang tidak diinginkan, Earnie(2020).

## **APLIKASI TIKTOK**

TikTok merupakan aplikasi yang merekodkan jumlah pengguna yang tertinggi yang berada antara kedudukan 5 teratas dalam media sosial, sehingga boleh mencecah angka 1 bilion dengan pemanfaatan kepelbagaian fungsi yang dimiliki(Jannah, et.al, 2023).

Menurut Qayyim(2022), Aplikasi TikTok mempunyai pelbagai fungsi, latar belakang, muzik, reka bentuk menarik dan lain-lain istilah yang digunakan dalam TikTok. Pada permulaannya, sejarah aplikasi ini tidak menggunakan nama TikTok akan tetapi menggunakan nama aplikasi yang dikenali sebagai Douyin. Aplikasi Douyin telah dilancarkan oleh syarikat China yang dikenali sebagai ByteDance pada tahun September 2016, dengan mengadaptasi video pendek. Aplikasi Douyin mendapat sambutan yang menggalakkan oleh pengguna, sehingga mencecah 100 juta pengguna dalam tempoh 1 tahun. Oleh yang demikian, pihak syarikat melakukan penambahbaikan terhadap fungsi-fungsi dan sekali gus menukar nama kepada aplikasi TikTok.

Penggunaan aplikasi TikTok memberi kesan yang positif kepada masyarakat untuk dijadikan bahan rujukan yang efektif, dengan pendekatan video pendek yang padat dengan maklumat dan visual sehingga mampu menarik minat untuk orang ramai untuk menggunakan aplikasi TikTok. Awang et.al,(2022).

## **ISTILAH-ISTILAH YANG DIGUNA PAKAI DALAM APLIKASI TIKTOK**

### **1. FYP (For Your Page)**

FYP merupakan singkatan dari penggunaan *For Your Page*, yang diterjemah sebagai “untuk halaman kamu”. FYP menampilkan video-video yang dicadangkan dari aplikasi TikTok mengikut kekerapan pengguna dalam mengakses sesuatu aktiviti atau carian. Dengan adanya FYP akan membantu serta menarik pengguna untuk mendapat *like*, *viewer*, dan komen dari penonton.

### **2. Duets**

*Duets* merupakan salah satu elemen yang terdapat dalam aplikasi TikTok bagi membolehkan pengguna untuk berhubung antara satu sama lain. Di mana apabila merakam video, ianya akan menjadi dua bahagian untuk berinteraksi dengan pengguna aplikasi TikTok yang sedia ada melakukan konten.

### 3. *Drafts*

Merupakan elemen TikTok yang membolehkan pengguna untuk menyimpan video yang hendak dimuat naik di TikTok. *Drafts* ini akan kekal sekiranya pengguna ingin memuat naik video pada waktu lain.

### 4. *Stich*

Merupakan elemen yang digunakan dalam aplikasi TikTok seakan-akan sama dengan *Duets*, elemen *stich* membuat video terlebih dahulu, kemudian pengguna aplikasi lain memberikan komentar serta maklum balas terhadap *creator* lain.

### 5. *Report*

*Report* merupakan elemen yang membolehkan pengguna aplikasi TikTok untuk membuat aduan terhadap penyalahgunaan dari segi isi kandungan, penggunaan ayat yang berbaur sensitif, seksual, rasisme, *cyberbullying*, serta aktiviti yang memberi kesan buruk kepada pengguna lain.

### 6. Q&A

Q&A merupakan singkatan dari perkataan *Question and Answer*, pengguna boleh mengajukan soalan kepada pengguna yang lain jika terdapat pertanyaan melalui video yang dimuat naik oleh pengguna.

### 7. *Discovery Page*

*Discovery page* merupakan halaman yang dicari, pengguna aplikasi TikTok dapat menentukan *hashtag* apa yang hendak dicari oleh pengguna serta melihat perkara-perkara yang menjadi isu hangat diperbincangkan.

## LATAR BELAKANG PENDAKWAH DAN ISI KANDUNGAN PETIKAN VIDEO DAKWAH YANG DIGUNAKAN DALAM MENGAPLIKASIKAN TIKTOK SEBAGAI MEDAN DAKWAH

Latar Belakang Pendakwah OKU Di TikTok Suriati binti Mohd Shukor, lahir pada 10 Disember 1977, merupakan anak kelahiran Alor Setar, Kedah. Sekolah rendah pada tahun 1984 dan sekolah menengah pada tahun 1990, serta meneruskan pengajian ke peringkat Diploma. Kerjaya terkini beliau adalah jurubahasa Isyarat. Mula aktif dalam bidang OKU pada tahun 2002, dengan permulaan terlibat dengan sukarelawan sukan orang pekak Malaysia. Beliau berkahwin dengan Madatul Akma Jusoh merupakan OKU Pendengaran, dan telah dikurniakan tiga orang anak, satu perempuan dan dua lelaki. Beliau mula aktif dalam dunia TikTok pada tahun 2021 bagi membuat contents yang menggunakan Bahasa Isyarat, menggunakan akaun TikTok yang bernama Suraya Mohd Shukor. Rajah 1 di bawah menerangkan kandungan dakwah yang dimuat naik dalam akaun TikTok.

Tema	Kandungan ( <i>Content</i> )	Teknik	Kesukaan ( <i>Like</i> )	Tontonan ( <i>View</i> )	Komentar ( <i>Comments</i> )
Aurat anak tiri bersama bapa tiri bahagian I	Assalamualaikum, hari ini saya mahu kongsi tajuk semalam iaitu tiri dan saya akan fokus mengenai aurat anak tiri bersama bapa tiri. Ok. sebagai contoh seorang laki- laki yang mengahwini seorang perempuan yang mempunyai dua orang anak perempuan Jadi bagaimana aurat anak perempuan bersama bapa tiri mereka. Ok. Saya akan cuba terangkan dan sebetulnya ada dua dan saya akan fokus kepada yang pertama terlebih dahulu. Lelaki yang mengahwini ibu tunggal yang mempunyai dua orang anak dan ada melakukan hubungan kelamin, bermaksud anak tadi merupakan mahram kepada bapa tiri tadi, dan anak tiri tidak boleh berkahwin dengan bapa tiri mereka, yang kedua mereka boleh bersalaman, cium tangan, berpelukan dan tidak perlu memakai tudung dalam rumah dan tidak menjadi satu kesalahan, dan anak tiri tadi seolah-olah anak kandung. Ok. Boleh faham.	Ceramah	195	3725	11
Aurat anak tiri dengan bapa tiri	Assalamualaikum, hari ini saya nak sambung Bahagian dua, baiklah dengan tajuk aurat bapa tiri bersama dengan anak tiri. Baiklah saya telah explain bahagian pertama beberapa hari lalu dan ini merupakan bahagian kedua, cerita yang sama di mana seorang lelaki berkahwin dengan seorang perempuan yang mempunyai dua orang anak tetapi	Ceramah	180	4599	15

Bahagian II	<p>setelah akad nikah berlaku penceraian atau kematian wanita tersebut dan belum melakukan hubungan kelamin, jadi bagaimana aurat anak perempuannya dengan bapa tiri. untuk makluman, sekiranya situasi yang sama itu berlaku jadi anak tiri tidak boleh bersalaman, tidak boleh berpelukan dan perlu menutup aurat apabila bersama dengan bapa tiri. Jadi kedua-dua anak perempuan tadi boleh berkahwin dengan bapa tiri tadi, Ok faham.</p>				
Haid dan hubungan Intim	<p>Assalamualaikum saya nak tanya jika saya sudah kering darah haid, tapi saya belum mandi wajib dan kami terus bersetubuh, perlu ke saya mandi dua kali dan untuk junub tersebut atau mandi atau sekali sahaja dengan niat sahaja aku mengangkat hadas besar kerana Allah SWT? Soalan yang bagus, soalan ini berkaitan dengan seorang isteri/wanita yang selepas haid, dia kering haid kemudian dia melakukan persetubuhan dengan suami, maknya keesokan harinya ketika mana dia nak mandi wajib, dia kena mandi wajib dua kali ke iaitu mandi wajib kerana haid, sekali lagi kerana selepas itu melakukan persetubuhan. Maka menjawab pertanyaan ini, pertama sekali apabila wanita/isteri selepas kering haid sebelum melakukan persetubuhan bersama dengan suami maka hendaklah wanita isteri tersebut mandi wajib terlebih dahulu, ini kerana bagi isteri atau wanita yang haid kemudian dia kering haid/ berhenti haid tidak mandi wajib terus melakukan persetubuhan dengan suami, maka perbuatan ini haram dan berdosa, maka hendaklah isteri mandi wajib terlebih dahulu kemudian baru boleh melakukan persetubuhan bersama dengan suami, sekiranya situasi ini berlaku seorang isteri selepas kering haidi belum mandi wajib dia melakukan terus persetubuhan dengan suami maka perbuatan ini haram dan berdosa, maka apabila keesokan harinya sebelum mendirikan solat subuh sebagai contohnya perlu ke mandi wajib dua kali, maka jawapan hanya sekali sahaja mandi wajib, dengan niat sahaja aku mandi wajib kerana Allah taala tidak perlu mandi wajib dua kali. jawapannya hanya sekali sahaja.</p>	Duet bersama Noor Hafiz Official	215	3157	12

<p>13 pantang larang dalam hram</p>	<p>Pantang larang ketika berhram ialah perkara-perkara yang perlu jemaah elakkan ketika sudah berniat ihram dan memakai pakaian ihram d mana larangan ini akan berakhir apabila telah selesai rukun saie' iaitu dengan cara memotong sedikit rambut ataupun dipanggil tahalul, potong rambut ini adalah digalakkan untuk botak keseluruhan kepala dengan cara gunting di kedai gunting atau boleh mengunting sedikit rambut di Bukit Maruah bila telah selesai saie', tahalul ini wajib dilakukan sama ada perempuan atau lelaki. Berikut 13 larangan semasa berhram:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Menutup kepala atau sebahagian daripadanya bagi lelaki, seperti memakai kopiah, songkok, serban, topi dan sebagainya</li> <li>2. Memakai pakaian bersarung samada berjahit seperti seluar, kain sarung, sarung kaki, dan semua jenis pakaian berjahit yang dijadikan sarung</li> <li>3. Menutup muka bagi perempuan</li> <li>4. Memakai sarung tangan</li> <li>5. Memakai bau-bau samada di badan atau pakaian dan menyedutnya ke dalam hidung</li> <li>6. Memakai minyak rambut di kepala atau janggut, dan semua bulu muka</li> <li>7. Menanggalkan rambut atau menghilangkan bulu pada anggota badan dengan sengaja</li> <li>8. Mengerat/memotong kuku kaki atau kuku tangan walaupun sebahagian sahaja daripadanya</li> <li>9. Memotong atau menebang atau menyabut pokok di tanah haram</li> <li>10. Memburu atau menolong memburu binatang daratan yang halal dimakan atau membinasakannya samada dengan cara membunuh, memukul, menjerat, menangkap atau dengan apa cara yang menyakiti binatang-binatang itu, malah memeranjatkan atau mengejutkan binatang itu adalah haram hukumnya</li> </ol>	<p>Duet bersama Andalusia Machang Branch</p>	<p>119</p>	<p>2282</p>	<p>5</p>
---	--	--	------------	-------------	----------



	<p>11. Melakukan persetubuhan atau berjimak dengan pasangan</p> <p>12. Melakukan perkara-perkara rangsangan untuk bersetubuh yang boleh menaikkan nafsu syahwat</p> <p>13. Berkahwin atau mengahwinkan atau menerima wakil kahwin</p>				
6 perkara yang perlu mandi wajib	<p>Assalamualaikum ,nak tanya apa yang buat mandi wajib terbatal? soalan yang bagus . saya rasa apabila kita dah mandi wajib apakah perkara yang menyebabkan kita kena mandi wajib sekali lagi, maka menjawab persoalan ini iaitulah apabila kita melakukan perkara-perkara yang menyebabkan kita mandi wajib ada 6 perkara kita wajib mandi wajib</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Keluar air mani samada lelaki ataupun wanita</li> <li>2. Melakukan persetubuhan badan</li> <li>3. Meninggal dunia</li> <li>4. Keluar darah haid bagi wanita</li> <li>5. Keluar darah nifas bagi wanita</li> <li>6. Wiladah iaitu beranak bagi wanita</li> </ol> <p>Maka, sesiapa melakukan salah satu antara 6 perkara ini wajib ke atasnya mandi wajib, sebelum mendirikan solat. Moga-moga memberi manfaat kefahaman.</p>	Duet Noor Hafiz Oficcal	151	3066	5
Ganti solat	<p>Perkara pertama dihisap di akhirat nanti adalah solat, lepas solat baru dihisap perkara yang lain, kalau tidak lepas solat ,kita akan diterajang ke neraka, orang panggil kita ustaz, orang panggil kita hajjah, orang kenal kita selalu duduk dalam dewan kuliah, orang kenal kita mengaji Al-Quran, taranum kita sedap, orang kenal kita hebat, tapi kenapa hajjah ke neraka jah, Aku ada tertinggal solat yang Aku tidak sempat nak qada, sementara masa masih ada, pujuklah hati kita, jangan main-main dengan masa, bila-bila Allah ambil balik masa itu.</p>	Duet bersama Sampaika nNasihat	11	360	1

## KAJIAN TEORI

Teori jarum suntik atau dikenali sebagai *Hypodermic Needle Theory*, merupakan idea daripada *Harold Lasswell* pada tahun 1927, menjelaskan tentang media mempunyai kekuatan yang besar dalam mempengaruhi serta membentuk pemikiran dan tingkah laku masyarakat. dengan memberikan maklumat-maklumat kepada pendengar.

Konsep Teori Jarum Hipodermik dengan menganggap media massa mempunyai kekuatan yang penting dalam mempengaruhi pemikiran audiens. Di samping itu, penonton hanya dianggap sebagai kumpulan yang homogen dan mudah di pengaruh sehingga tidak mempunyai upaya untuk menidakkan maklumat daripada media massa. Serta, audiens mempunyai pemikiran yang sama terhadap sesuatu isu yang diperolehi. Teknik ini sesuai diaplikasikan dalam penggunaan aplikasi TikTok sebagai medan dakwah bagi golongan OKU Pendengaran.

## HASIL PENELITIAN

### 1. Analisis Isi kandungan

a. Tema dakwah yang dibahaskan adalah berkaitan dengan “Aurat anak tiri bersama bapa tiri bahagian I”

Pemilihan tajuk oleh Suriati adalah aurat anak tiri bersama bapa tiri, dua perkara yang difokuskan dalam video tersebut adalah, yang pertama anak tiri adalah mahram kepada bapa tiri, maka anak tiri tersebut tidak boleh berkahwin dengan bapa tirinya. Kedua adalah hukum anak tiri terhadap bapa tiri adalah sama seperti anak kandung yang membolehkan bersalaman, cium tangan, berpelukan dan tidak perlu memakai tudung ketika berada di rumah. Isu ini amat wajar dibahaskan kerana masyarakat hari ini tidak kira normal mahupun OKU tidak menyedari akan isu ini malah sering menjadi tanda tanya. Video ini meraih *view* sehingga 3725 penonton, 195 *like* dan 11 *comment*. Terdapat salah satu dari komen dari OKU Pendengaran menyatakan bahawa “Saya baru tahu..tq”. Ini membuktikan bahawa tidak semua mempunyai pengetahuan yang sama.

b. Tema dakwah yang dibahaskan adalah berkaitan dengan “Aurat anak tiri dengan bapa tiri Bahagian II”

Tajuk ini merupakan kesinambungan pada tajuk di bahagian I iaitu aurat anak tiri dengan bapa tiri, akan tetapi perbincangan masalah yang berbeza iaitu isu di mana seorang lelaki berkahwin dengan seorang perempuan yang mempunyai dua orang anak tetapi setelah akad nikah berlaku penceraian atau kematian

wanita tersebut dan belum melakukan hubungan kelamin, maka bagaimanakah aurat anak perempuannya dengan bapa tiri. Jika situasi ini berlaku maka anak tiri tidak boleh bersalaman, tidak boleh berpelukan dan perlu menutup aurat apabila bersama dengan bapa tiri. Jadi kedua-dua anak perempuan tadi boleh berkahwin dengan bapa tiri. Video ini menimbulkan banyak tanda tanya serta sukar untuk difahami bagi OKU dengan mempunyai 15 *comment*, tontonan sebanyak 4600 *view*, dengan *like* 180.

c. Tema dakwah yang berkaitan dengan “Haid dan hubungan intim”

Pemilihan tajuk seterusnya adalah berkaitan dengan haid dan hubungan intim melalui soalan yang diajukan kepada seorang ustaz di video duet bersama Puan Suriati. Di mana situasinya adalah berkaitan dengan seorang isteri/wanita yang selepas haid, dalam masa yang sama kering haid kemudian melakukan persetubuhan dengan suami, maka perlu mandi dua kali atau bagaimana. Maka menjawab pertanyaan tersebut, ustaz menyatakan pandangan tentang hukum tersebut dengan menyatakan bahawa apabila wanita/isteri selepas kering haid sebelum melakukan persetubuhan bersama dengan suami hendaklah wanita/isteri tersebut mandi wajib terlebih dahulu, ini kerana bagi isteri atau wanita yang haid kemudian dia kering haid/ berhenti haid tidak mandi wajib terus melakukan persetubuhan dengan suami, maka perbuatan ini haram dan berdosa, maka apabila keesokan harinya sebelum mendirikan solat perlu mandi wajib sekali sahaja, dengan niat sahaja aku mandi wajib kerana Allah taala. Video ini mengumpul jumlah *view* sebanyak 3157, *like* 215 dan *comment* 12.

d. Tema dakwah yang berkaitan dengan “13 pantang larang dalam Ihram”

Video ini merupakan gabungan duet bersama salah seorang pemilik akaun duet bersama Andalusia Machang Branch, Video ini meraih *view* sebanyak 2282 dengan *like* 119 serta *comment* 5. Terdapat 16 pantang larang yang perlu dielakkan semasa berada di dalam ihram. Berikut 13 larangan semasa berihram, antaranya adalah seperti berikut:

1. Menutup kepala atau sebahagian daripadanya bagi lelaki, seperti memakai kopiah, songkok, serban, topi dan sebagainya
2. Memakai pakaian bersarung samada berjahit seperti seluar, kain sarung, sarung kaki, dan semua jenis pakaian berjahit yang dijadikan sarung
3. Menutup muka bagi perempuan
4. Memakai sarung tangan
5. Memakai bau-bau samada di badan atau pakaian dan menyedutnya ke dalam hidung

6. Memakai minyak rambut di kepala atau janggut, dan semua bulu muka
7. Menanggalkan rambut atau menghilangkan bulu pada anggota badan dengan sengaja
8. Mengerat/memotong kuku kaki atau kuku tangan walaupun sebahagian sahaja daripadanya
9. Memotong atau menebang atau menyabut pokok di tanah haram
10. Memburu atau menolong memburu binatang daratan yang halal dimakan atau membinasakannya samada dengan cara membunuh, memukul, menjerat, menangkap atau dengan apa cara yang menyakiti binatang-binatang itu, malah memeranjatkan atau mengejutkan binatang itu adalah haram hukumnya
11. Melakukan persetubuhan atau berjimak dengan pasangan
12. Melakukan perkara-perkara rangsangan untuk bersetubuh yang boleh menaikkan nafsu syahwat
13. Berkahwin atau mengahwinkan atau menerima wakil kahwin

e. Tema dakwah yang berkaitan dengan “6 perkara yang perlu mandi wajib”

Pesanan dakwah yang berikutnya adalah berkaitan dengan perkara-perkara yang disebabkan perlu mandi wajib. Video ini menggunakan teknik duet bersama Noor Hafiz Official, dengan tontonan sebanyak 3066, dan *like* 151, serta *comment* pengguna TikTok adalah 5 berkaitan isu tersebut. Perkara-perkara yang menyebabkan perlu mandi wajib ada 6 perkara iaitu, antaranya:

1. Keluar air mani samada bagi lelaki ataupun wanita
2. Melakukan persetubuhan badan
3. Meninggal dunia
4. Keluar darah haid bagi wanita
5. Keluar darah nifas bagi wanita
6. Wiladah iaitu beranak bagi wanita
7. Tema dakwah yang berkaitan dengan “Ganti Solat”

Video dakwah berikutnya adalah berkaitan dengan Ganti solat, Video ini juga merupakan duet bersama akaun TikTok yang bernama SampaikanNasihat bersama Puan Suriati. Video tersebut menyatakan bahawa perkara yang ditanya semasa di akhirat adalah solat. Unsur yang diterapkan dalam video tersebut adalah unsur berbentuk nasihat serta jalan penyelesaian bagi sesiapa yang meninggalkan solat dengan menqada'kan solat yang ditinggalkan. Video ini meraih penonton hanya 360, mungkin

disebabkan permulaan menggunakan TikTok berbanding video lain, sera mendapat 11 *like*, dan hanya 1 *comment*.

f. Tema dakwah yang berkaitan dengan “Ganti Solat”

Video dakwah berikutnya adalah berkaitan dengan Ganti solat, Video ini juga merupakan duet bersama akaun TikTok yang bernama SampaikanNasihat bersama Puan Suriati. Video tersebut menyatakan bahawa perkara yang ditanya semasa di akhirat adalah solat. Unsur yang diterapkan dalam video tersebut adalah unsur berbentuk nasihat serta jalan penyelesaian bagi sesiapa yang meninggalkan solat dengan menqadakan solat yang ditinggalkan. Video ini meraih penonton hanya 360, mungkin disebabkan permulaan menggunakan TikTok berbanding video lain, sera mendapat 11 *like*, dan hanya 1 *comment*.

## **2. Teknik yang digunakan dalam TikTok bagi menyampaikan dakwah kepada golongan OKU**

Tujuan kajian ini lebih difokuskan kepada golongan OKU Pendengaran dalam mengadaptasikan penyebaran dakwah melalui aplikasi TikTok, penggunaan aplikasi TikTok pada masa kini amat mendapat sambutan yang menggalakkan, ini kerana masyarakat pada hari ini lebih cenderung kepada hiburan yang berbentuk visual. Bagi golongan OKU Pendengaran mereka lebih terangsang dengan aplikasi yang berbentuk video ini kerana mereka tidak mampu mendengar sebarang bunyi.

Maka teknik yang diaplikasikan dalam penyampaian video TikTok adalah menggunakan Bahasa Isyarat yang mudah dan ringkas untuk difahami, serta ekspresi muka dan pergerakan bibir memainkan peranan penting dalam menyampaikan maklumat yang ingin disampaikan kepada OKU Pendengaran. Pemilihan isu-isu yang penting dan bermanfaat kepada golongan OKU bagi menambahkan pengetahuan golongan tersebut supaya tidak terkebelakang dengan didikan agama, yang segelintirnya tidak mengetahui hukum hakam agama dengan baik.

Penggunaan pendekatan visual yang menarik dengan gambar-gambar video yang berkualiti, serta membuat gabungan video bersama ahli yang pakar bagi mengesahkan maklumat yang disampaikan adalah bertepatan dengan hukum syariat Islam. Kaedah ini bagi meyakinkan golongan OKU untuk mengambil input daripada video tersebut tanpa ada keraguan. Tambahan pula kekangan dari jurubahasa Isyarat yang mahir dalam bidang agama adalah amat terhad.

Pengkaji juga mendapati bahawa selain daripada Puan Suriati terdapat juga pendakwah-pendakwah lain cuba untuk berdakwah menggunakan aplikasi TikTok, yang berkaitan dengan haid, haji, mengajarkan cara membaca Al-Quran bagi golongan OKU Pendengaran menggunakan Bahasa Isyarat Arab dengan menggunakan kaedah dan teknik-teknik yang berbeza.

## **KESIMPULAN**

Dengan adanya kecanggihan teknologi seiring dengan kemajuan arus kemodenan, kepelbagaian teknik dan metode perlu dipraktikkan dalam menyebarkan usaha-usaha dakwah, agar input pengetahuan yang bermanfaat sampai kepada yang selayaknya untuk dikembangkan luas ilmu ke serata dunia, tanpa mengira latar belakang normal mahupun golongan OKU.

## RUJUKAN

Al-Qur'anul Karim.

Ab Aziz Mohd Zin et al.(2009). Dakwah Islam Terhadap Orang Kelainan Upaya. Penerbit Universiti Malaya.hl.11-12

Abdul Karim Zayddan.(1975). Usul al-Da'wah. Resalah Publishers. Beirut.Lubnan.

Abdul Munir Ismail (2014). Dakwah Suatu Tuntutan Dalam Islam. Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris Tanjong Malim, Perak. halaman 19.

Abu Bakar Jabir al-Jaza'iri.(1964). Minhaj al-Muslim. Madinah Munawarah.

Awang, H., Khalid, M. A. S. M., Yin, A.W. & Ya'acob, C.H. (2022). The Use of TikTok to Enhance Student Participation in Computer Applications Class. Jouranl of Contemporary Social Science and Education Studeis, 2(2), 30-40.

Dr.Yusuf Al-Qardawi.(1997). Thaqaifah al-Da'iyah. Maktabah Wahbah, Kaherah. halaman.3

Earnie Elmie Hilmi. (2020). Peranan Tekno Daie Dalam Berdakwah di era Teknologi Maklumat dan Komunikasi(ICT). Universiti Malaysia Sabah.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.(2016) Pelan Tindakan OKU Orang Kelainan Upaya. halaman.2

Mohd Huzairi bin Awang @ Husain Hajarul Bahti binti Zakaria, Bani Hidayat bin Mohd Shafie, Nor Hayati Fatmi binti Talib dan Nabiroh Kassim(2015). Kepentingan Dakwah Kepada Golongan Bermasalah Pendengaran: Satu Keperluan.

Mohd Nasir Omar. (2005). Akhlak dan Kaunseling Islam. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn.Bhd. halaman 12.

Mohd Nasir Omar. (2005). Akhlak dan Kaunseling Islam. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn.Bhd. halaman 12.

Muhammad Al-Ghazali.( 2002). Ma'a Allah.Dirasat Fi Ad-Dakwati Wa Daatu. Nahdet Mesir. halaman12.

- Muhammad Haiqal Hassan. (2022). Dakwah Terhadap Golongan Kurang Upaya. Universiti Kebangsaan Malaysia(UKM).[https://www.researchgate.net/publication/362127030\\_dakwah\\_terhadap\\_golongan\\_kurang\\_upaya](https://www.researchgate.net/publication/362127030_dakwah_terhadap_golongan_kurang_upaya)
- Muhammad Isa Selamat. (1997). Sifat-Sifat dan Mentauhidkan Diri KepadaNya. Kuala Lumpur: Darul Nu'Man. halaman 319.
- N.Fatin Farhanah M.S., N.Syamimi A.A, N.Nadhirah A.A. (2022). Keberkesanan Aplikasi TikTok Dalam Menyampaikan Nilai Pengajaran Quran dan Sunnah Dalam Kalangan Masyarakat. Journal Persidangan Antarabangsa Sains Sosial Dan Kemanusiaan.
- Noor Hidayah Tanzizi. (Januari,24,2023). Tidak Pernah Dengar Suara Suami. Harian Metro. Diperoleh di laman web <https://www.hmetro.com.my/utama/2023/01/928920/tidak- pernah-dengar-suara-suami>, pada 10 Oktober 2023.
- Nor Raudah Hj.Siren.(2013). Retorik Penulisan Dakwah. Penerbit Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur. halaman 57.
- Muhammad Qayyim Khaidir (2022). Dakwah Melalui Media (Aplikasi TikTok).Seminar Dakwah& Wahdah Al-Ummah 2022, Interaksi Dakwah di Malaysia merentas Zaman, UKM.[https://www.researchgate.net/publication/362200984\\_dakwah\\_melalui\\_media\\_aplikasi\\_TikTok](https://www.researchgate.net/publication/362200984_dakwah_melalui_media_aplikasi_TikTok)
- Umar Mukhtar Mohd Noor. (2015). Bayan Linnas Siri ke-41: Menyantuni Golongan OKU. Diperoleh di <https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/bayan-linnas/1822-bayan-linnas-siri-41->, pada 9 Oktober 2023.
- Yulia N.F.R., Safrinal, Jalimah Z.L, M.Roy P. (2021). Strategik Pemanfaatan Aplikasi TikTok Sebagai Media Dakwah Untuk Kaum Milenial. Universiti Islam Indonesia.